

09/01/1999

Profil Menteri dan Timbalan Menteri baru

PELANTIKAN semula Tun Daim Zainuddin ke jawatan Menteri Kewangan yang beliau lepaskan pada 1991 selepas membantu negara pulih daripada kegawatan ekonomi negara pada tahun 80-an, tidak mengejutkan.

Ini kerana beliau yang pernah memegang jawatan itu dari Julai 1984 hingga Mac 1991, dilantik semula dalam Kabinet sebagai Menteri Tugas-tugas Khas tahun lalu bagi membantu menangani masalah kelembapan ekonomi pada masa ini.

Anak kelahiran Seberang Perak, Alor Star, Kedah itu menjadi Ahli Parlimen Merbok sejak 1990 hingga sekarang.

Portfolio kewangan yang sebelum ini disandang oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim selama tujuh tahun diambil alih oleh Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan Pertama selama lima bulan sebelum diserahkan semula kepada Daim.

Daim yang dilantik sebagai senator pada 1980, mula bertanding sebagai ahli parlimen pada pilihan raya umum 1982 di bagi kerusi Kuala Muda. Beliau menjadi Ahli Parlimen itu sehingga 1986.

Beliau yang menerima pendidikan dalam jurusan undang-undang di Universiti Berkeley, berkahwin dengan Toh Mahani Idris dan dikurniakan tiga cahaya mata.

Pada 1959, beliau menjadi majistret di Johor dan Timbalan Pendakwa Raya di Perak. Pada 1965 membuka firma guaman sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang Pembangunan dan Perancangan Bandar di Amerika Syarikat pada 1977.

Datuk Seri Syed Hamid Albar, 55, Ahli Parlimen Kota Tinggi, yang dilantik sebagai Menteri Luar sebelum ini memegang jawatan Menteri Pertahanan sejak Mei 1995.

Dilahirkan di Pulau Pinang dan berkahwin dengan Datin Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin dan mempunyai enam anak, beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perundangan dan perbankan.

Lulusan undang-undang dari London Inn, Syed Hamid memulakan kerjaya sebagai majistret sebelum menyertai Bank Bumiputra Malaysia Berhad sehingga memegang jawatan pengurus kanan bank itu. Pada 1983 beliau menjadi Pengarah dan Ketua Eksekutif Bumiputra Merchant Bankers Bhd.

Pelantikannya adalah satu kenaikan pangkat kerana Malaysia memainkan peranan penting di arena antarabangsa sejak Datuk Abdullah Ahmad Badawi memegang jawatan itu.

Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, 58, yang dilantik sebagai Menteri Pertahanan adalah Ahli Parlimen Kuala Rajang, Sarawak. Sebelum ini, beliau memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Memulakan karier dalam politik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kuching Barat pada 1974 dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 1976-1981. Pada 1981-1990 menjadi Ahli Parlimen Paloh, Sarawak.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertahanan pada Julai 1981-1990. Lulusan bidang undang-undang itu mempunyai tiga anak hasil perkahwinan dengan Tunku Maziah Tunku Mustapha.

Datuk Mohd Tajol Rosli Mohd Ghazali yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian Negara dan Pembangunan Luar Bandar pada 1984 hingga 1986, sebelum dilantik timbalan menteri di kementerian yang sama mulai 1986 hingga 1990.

Ahli Parlimen Grik, Perak itu kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos (1990-1995), Timbalan Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan (1996-1997) dan yang terakhir Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Dilahirkan di Lenggong, Perak pada 6 November 1944, beliau berkahwin dengan Datin Kamariah Mokri dan mempunyai tiga anak. Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Perdagangan Universiti Melbourne, Australia pada 1966.

Senator Datuk Ibrahim Ali, 48, menyertai Umno pada 1982 dan menjadi Ahli Dewan Negara sejak September 1995. Beliau juga adalah ahli Majlis Tertinggi Umno.

Kerjaya politiknya bermula apabila menyertai parti Berjasa pada 1978 sebelum menyertai Umno pada Jun 1982. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pemuda Umno Pasir Mas pada 1982-1987.

Pada 1984-1988, beliau menjadi anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno. Pada 24 April 1987, beliau gagal dalam pertandingan ahli Majlis Tertinggi Umno.

Beliau menyertai Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada 1987-1990 tetapi keluar dari parti itu pada 22 Mei 1991 dan menyertai semula Umno pada 30 Mac 1991 sebelum dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi dan Kemiskinan Umno Kelantan.

Pada 12 September 1993 beliau dilantik sebagai Ketua Umno Pasir Mas. Pada Disember 1993 beliau dilantik menyertai anggota Majlis Tertinggi Umno. Pada April 1994 dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno Negeri Kelantan.

(END)